

Falak sebagai pemangkin akidah

Pengetahuan ini penting dalam menentukan tarikh lahir, kehadiran bulan dalam kalendar Islam dan menjadi wasilah keperluan ibadat.

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR – Pengetahuan yang mendalam dalam ilmu falak dan penentuan arah kiblat amat penting dalam kehidupan seharian khususnya kepada golongan belia sebagai pemangkin akidah.

Pembantu Hal Ehwal Islam Bahagian Falak, Khairul Amal Zaini berkata pengetahuan ini penting dalam menentukan tarikh lahir, kehadiran bulan dalam kalendar Islam dan menjadi wasilah keperluan ibadat.

“Aktiviti yang dianjurkan di sini adalah program bulanan yang bertujuan untuk memberi pengetahuan terhadap ilmu falak dan penentuan arah kiblat dengan menggunakan tongkat istiwa.

“Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan di luar jangkaan kerana menerima peserta melebihi kuota yang ditetapkan dan penyertaan dari seluruh Malaysia,” katanya ketika ditemui.

Menurutnya, peserta akan diberi penerangan secara praktikal penggunaan tongkat istiwa dalam menentukan waktu solat dan pengiraan arah kiblat yang dipimpin Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Hairul Anuar Samingan.

“Selepas itu, peserta akan ke tempat pencerapan Hilai Bukit Malawati untuk menyempurnakan majlis



Sebahagian peserta tekun melihat demonstrasi tongkat istiwa yang digunakan untuk menentukan waktu solat.

cerapan Hilal Rabiul Akhir,” katanya.

Program ‘Sehari bersama Falak’ yang bermula pada jam 8 pagi hingga 9 malam itu adalah anjuran Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor di sini



“Aktiviti yang dianjurkan di sini adalah program bulanan yang bertujuan untuk memberi pengetahuan terhadap ilmu falak dan penentuan arah kiblat dengan menggunakan tongkat istiwa.”

Khairul Amal Zaini